

Headline	TH tumpu pelaburan domestik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B2	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	320 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nurhayati Abllah	AdValue	RM 11,031
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,092



# TH tumpu pelaburan domestik

» Fokus pelbagai sektor berpotensi jana pulangan

Oleh Nurhayati Abllah dan Haspaizi Mohd Zain

**L**embaga Tabung Haji (TH) akan menumpukan peluang pelaburan domestik dan menghentikan sementara pelaburan ke luar negara berikutan ketidaktentuan ekonomi dunia pada masa kini.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Ismee Ismail, berkata pihaknya merancang untuk mencari lebih banyak peluang pelaburan dalam negara.

Katanya, penumpuan akan diberi terutamanya bagi ekuiti, sekuriti hutang, syarikat amanah pelaburan hartanah, pasaran wang dan instrumen kewangan.

## Beku pelaburan luar negara

"Buat masa ini kita akan bekukan sementara waktu pelaburan ke luar negara, sebaliknya memfokuskan pelaburan domestik.

"Seperti sebelum ini, TH akan mempertingkatkan lagi pelaburan dalam sektor hartanah yang menjana pulangan lebih tinggi dalam sewaan selain prospek pertumbuhannya," katanya selepas pengumuman bonus pendeposit TH bagi tahun kewangan 2014, di Kuala Lumpur, semalam.

Pengumuman itu dibuat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom. Yang hadir sama. Pengerusi

TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Pendapatan keseluruhan TH pada tahun lalu adalah sebanyak RM3.29 bilion susut sedikit berbanding prestasi yang diraihinya pada 2013 iaitu RM3.73 bilion.

Angka pendapatan itu turut disumbangkan pelaburan aset TH di luar negara yang menyumbang kira-kira lima peratus.

## Kompleks TH siap tahun 2016

Sementara itu, mengulas perkembangan pembinaan Kompleks TH di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Ismee berkata, kompleks berkenaan dijangka beroperasi pertengahan tahun 2016.

Kompleks berkenaan terletak bersebelahan dengan Masjid Sultan Abdul Samad, KLIA dianggarkan bernilai RM303 juta dan dibina bagi mengambil alih peranan Kompleks TH di Kelana Jaya khususnya dalam mendalihkan pelbagai urusan membatik operasi haji setiap tahun.

Pembinaan itu sepatutnya dijangka siap pada tahun 2013, tetapi tertangguh disebabkan faktor tertentu. Ia dibina di atas tapak seluas lima hektar dan dilengkapi hotel bertaraf empat bintang bagi keselesaan jemaah haji dan keluarga.

Headline	TH tumpu pelaburan domestik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B2	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	320 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nurhayati Abllah	AdValue	RM 11,031
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,092



Ismee Ismail



Tabung Haji optimis  
**jana pulangan**  
melalui pelbagai  
sektor pelaburan  
domestik.